

20/01/2003

Lagi Badan Perhubungan Umno negeri mungkin dirombak: PM

Hassan Omar

ALOR STAR: Beberapa Badan Perhubungan Umno negeri lagi mungkin dirombak bagi memperkukuhkan Umno sebelum menghadapi pilihan raya umum akan datang,

kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya tidak tahu yang itu (rombakan Badan Perhubungan Umno negeri). Tidak bincang dalam (mesyuarat) Majlis Tertinggi (MT). (Mesyuarat) akan datang, tidak tahulah," kata Perdana Menteri yang juga Presiden Umno.

Diminta mengulas sama ada Badan Perhubungan Umno negeri, selain Kelantan turut dirombak, Dr Mahathir berkata: "Tidak tahulah...mungkin ada, semua ada."

Perdana Menteri berkata demikian di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, dekat sini sejurus sebelum pulang ke Kuala Lumpur, semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menghadiri majlis penganugerahan darjah dan bintang kebesaran sempena

Ulang Tahun Keputeraan Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Muadzam Shah yang ke-75, di Istana Anak Bukit, di sini.

Perdana Menteri menerima anugerah Darjah Kerabat (DK) Kedah daripada Sultan Kedah.

Ketika mengulas laporan akhbar semalam, Dr Mahathir berkata, barisan kepimpinan Umno di Kedah, Perlis, Perak, Terengganu dan Melaka dirombak bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Rombakan itu turut membabitkan pengguguran wakil rakyat lama, sejajar keadaan politik semasa.

Khamis lalu, Dr Mahathir mengumumkan rombakan besar dalam Badan Perhubungan Umno Kelantan dengan Timbalan Pengerusinya, Datuk Annuar Musa

dan tiga yang lain, digugurkan.

Jumaat lalu, Perdana Menteri menegaskan, pemimpin parti yang tidak mampu menjalankan tanggungjawab harus berundur dan sedia melepaskan jawatan mereka.

Dr Mahathir berkata, tiada pemimpin Umno yang kekal dengan jawatan mereka dan apabila perlu, perubahan dalam kepimpinan parti harus dilakukan.

Kenyataan Perdana Menteri itu disokong pemimpin Umno peringkat negeri dengan menyifatkannya sebagai realistik dan tepat pada masanya bagi Umno membuat perubahan kepimpinan menjelang pilihan raya umum akan datang.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul

Samad dilaporkan berkata, kenyataan Dr Mahathir itu realistik.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali pula dilaporkan berkata, beliau sedia membuat rombakan jika Dr Mahathir

mengarahkannya berbuat demikian.